



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : pro@dvs.gov.my

Laman Web : www.dvs.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PENAFIAN BERHUBUNG PERCUBAAN PENIPUAN YANG MENYALAHGUNAKAN NAMA PEGAWAI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR DAN PEMALSUAN PESANAN KERAJAAN

PUTRAJAYA, 31 Julai 2026 – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) memandang serius aduan berhubung percubaan penipuan yang menyalahgunakan nama dan jawatan pegawai DVS serta dokumen Pesanan Kerajaan atau *Local Order (LO)* palsu bagi memperdaya syarikat pembekal menyediakan bekalan dan perkhidmatan kononnya untuk program jabatan.

Sehubungan dengan itu, DVS MENAFIKAN SEKERAS-KERASNYA penglibatan pihak jabatan dalam sebarang dokumen Pesanan Kerajaan fizikal atau arahan pembekalan mencurigakan yang dikeluarkan di luar sistem rasmi. Tindakan tidak bertanggungjawab ini merupakan satu jenayah berat yang jelas berniat jahat bagi mencemarkan imej dan kewibawaan jabatan serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Semua pembekal dinasihatkan untuk memastikan semua urusan perolehan rasmi berkaitan dengan DVS dilaksanakan menerusi Sistem e-Perolehan dan sentiasa berwaspada dengan tawaran yang dibuat di luar sistem tersebut. Pembekal juga diminta berwaspada terhadap arahan yang diterima melalui panggilan telefon, *WhatsApp*, e-mel tidak rasmi atau dokumen yang tidak dapat disahkan.

Sekiranya terdapat sebarang keraguan berhubung dokumen perolehan yang diterima, pihak pembekal boleh berhubung secara terus dengan Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya di talian 03-8870 2000 atau melalui e-mel pro@dvs.gov.my.

DVS turut mengalu-alukan kerjasama semua pihak untuk menyebarkan kenyataan ini bagi meningkatkan kesedaran orang ramai, melindungi kepentingan pembekal serta membendung penyalahgunaan nama dan identiti jabatan.

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

31 JULAI 2026